

Malaysia sambut baik kerjasama Asean-AS

KUALA LUMPUR: Malaysia menyambut baik penerimaan Perkongsian Yang Dipertingkatkan Asean-Amerika Syarikat yang meliputi bidang politik, keselamatan dan ekonomi serta usaha sama memerangi penularan penyakit berjangkit.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, dalam satu kenyataan di sini semalam, berkata ini menunjukkan komitmen tinggi kedua-dua pihak untuk menjalin kerjasama dialog yang lebih bermakna dan tersendiri.

Antara lain, katanya, 'Asean dan AS mengakui bahawa Perjanjian Perseahabatan dan Kerjasama (TAC) bertindak sebagai satu kod kelakuan yang meliputi hubungan sesama negara dalam menggalakkan keamanan dan kestabilan serantau.

Mereka juga mempersetujui peranannya sebagai satu konsep penyatuan bagi Asean dan menghormati semangat dan prinsip TAC, sejajar komitmen Asean dan AS untuk meningkatkan perkongsian masing-masing.

Selain itu, mereka menyokong Fo-

rum Serantau Asean (ARF) sebagai forum politik dan keselamatan serantau yang utama di rantau Asia Pasifik dengan Asean sebagai daya tenaganya.

Semua 10 negara Asia Tenggara dan AS juga menyetujui untuk berusaha menyekat penularan dan mengurangkan ancaman HIV/AIDS, SARS dan penyakit berjangkit lain serta yang memerlukan tindakan segera, memajukan mekanisme kerjasama bagi menyekat merebaknya selesema burung serta bersatu tenaga menyediakan sistem dan prosedur.

Beliau berkata dokumen itu menerima pengesahan semula yang kena pada masa selepas hampir 30 tahun hubungan Asean-AS.

"Kami berkeyakinan bahawa dokumen itu akan menyediakan rancangan untuk dipertingkatkan kerjasama dialog kami," katanya.

Asean dan AS berkata dalam satu kenyataan visi bahawa kedua-duanya berkongsi keinginan bersama untuk hidup dengan satu sama lain dan dengan keseluruhan masyarakat dunia dalam persekitaran yang adil, demokratik dan harmoni.